

# covid-19

21 Jun 2021, Metro, P10



## STADIUM JADI PUSAT VAKSIN

STADIUM Nasional Bukit Jalil di ibu kota yang dijadikan pusat pemberian vaksin (PPV) dijangka beroperasi bermula hari ini dengan kemampuan kapasiti sehingga 10,000 dos suntikan dalam sehari. Seluruh trek balapan bertukar wajah menjadi ruang untuk urusan vaksinasi selaras dengan matlamat mencapai imuniti kelompok menjelang akhir tahun ini. - Gambar NSTP/ROHANIS SHUKRI

## 5,293 kes baharu, 60 kematian semalam

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 5,293 kes positif baharu Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan angka jangkitan disebabkan pandemik itu kian menghampiri 700,000 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu itu menjadikan kes Covid-19 di negara ini kini berjumlah 696,408 kes.

Menurutnya, Selangor semalam terus menjadi negeri tertinggi mencatatkan kes baharu dengan 1,680 kes direkodkan.

"Ia disusuli Negeri Sembilan dengan 693 kes, Sarawak (661) dan Johor (627) manakala Perlis dan Putrajaya mencatatkan kes terendah dengan masing-masing dua serta empat kes."

"Sebanyak 5,286 kes adalah kes tempatan iaitu 3,894 warganegara dan 1,392 bukan wargane-

gara manakala tujuh kes import membabitkan tiga warganegara dan empat bukan warganegara dilaporkan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 5,941 kes pulih menjadikan kumulatif kes sembah di negara ini meningkat kepada 628,185 kes.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Noor Hisham berkata, ada 60 kes kematian dilapor semalam menjadikan jumlah kumulatif 4,408 kes iaitu 0.63 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, kes kematian dilaporkan membabitkan 56 warganegara dan empat bukan warganegara.

"Seramai 880 pesakit Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 454 pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

